

23/04/2001

Penganjur mohon LTdL naik taraf

Zairee Zahir

PENGANJUR Le Tour de Langkawi (LTdL) akan mengemukakan permohonan supaya edisi ketujuh LTdL 2002 dinaiktarafkan daripada 2.3 kepada 2.2 pada kalendar perlumbaan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

Sehubungan itu, penganjur juga bersedia merombak beberapa aspek perlumbaan supaya ia menepati status baru itu serta menepati syarat yang ditetapkan badan induk antarabangsa itu.

Pengerusi Eksekutif First Cartel (M) Sdn Bhd, Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim berkata, pihaknya akan mengemukakan permohonan kepada Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF) untuk dipanjangkan kepada Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) pertengahan bulan depan.

Berdasarkan laporan positif daripada Presiden Komisar LTdL 2001, Michael Robb, dia yakin UCI akan meluluskan status baru itu - sekali gus menjadikan LTdL tahun depan sebagai perlumbaan terbesar di luar Eropah.

"Kami mendapat maklum balas positif supaya LTdL dinaikkan taraf kepada status 2.2. Penaung, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan penaja sendiri mahukan penganjuran perlumbaan itu mencapai tahap tertingginya.

"Jadi First Cartel akan membuat permohonan baru supaya edisi ketujuh tahun depan menyaksikan perlumbaan lebih bermutu dan kehadiran lebih banyak pasukan profesional," katanya di majlis penghargaan penaja dan sukarelawan LTdL 2001 di Sungai Besi, semalam.

Perdana Menteri yang hadir menyampaikan cenderamata kepada penaja dan sukarelawan sebelum menyampaikan hadiah kuiz LTdL 2001 kepada pemenang utama, Cik Atiyansa @ Mardhiyyah Mohd Salleh.

Dr Mahathir turut menurunkan tandatangannya dalam Kempen 'Malaysia Boleh' untuk memberi semangat kepada atlit negara di Sukan Sea XXI Kuala Lumpur, 7-18 September ini.

Wan Lokman berkata, status baru itu bagaimanapun tidak dapat lari daripada peraturan baru UCI yang mahu memendekkan tempoh semua perlumbaan kecuali tiga perlumbaan elit berstatus 'Hors' (2.1) dunia iaitu Tour de France, Giro d'Italia dan Vuelta a Espana.

Sehubungan itu, LTdL 2002 yang ditetapkan UCI 7-17 Februari 2002 pada kalendar UCI, akan berlangsung 10 hari berbanding 12 hari sebelum ini, dengan sehari tempoh rehat.

"UCI menetapkan semua perlumbaan hanya dilangsungkan lima hari manakala kejohanan kebangsaan boleh dijalankan selama tujuh hari. Begitupun, LTdL yang kini dianggap antara perlumbaan jelajah terbesar dunia, diberi tempoh 10 hari demi memaju dan mempopularkan lagi sukan berbasikal di luar Eropah, terutama Asia.

"Jika status baru diluluskan, LTdL akan menjadi perlumbaan terbesar di luar Eropah, lebih tinggi mutunya berbanding perlumbaan di Amerika Syarikat dan Australia," kata Wan Lokman.

Wan Lokman berkata, mengikut markah yang diberikan Lembaga Pengurusan UCI, LTdL 1998 mendapat 91.20 mata dan jumlah itu meningkat kepada 92.80 pada 1999 dan 95.33 pada 2000.

"Saya yakin mata itu bertambah kerana LTdL 2001 berjalan lancar dan mendapat pujian banyak pihak termasuk pelumba dan pasukan profesional yang mengambil bahagian termasuk Presiden Komisar sendiri," katanya.

Menurutnya, antara perubahan yang terpaksa dilakukan sekiranya dinaikkan taraf ialah pengurangan jumlah pasukan kebangsaan kerana mengikut status 2.2, hanya 20 peratus pasukan kebangsaan dibenarkan bertanding berbanding 25 peratus sebelum ini.

Tempoh 10 hari juga, menyebabkan penganjur terpaksa mengkaji semula laluan yang akan digunakan, sambil tidak menolak kemungkinan beberapa lokasi baru termasuk Pulau Langkawi sendiri, terpaksa diselangselikan, selain mengehendkan acara ujian masa individu dan kriterium.

Sebelum itu, Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, LTdL yang bermula dengan berskala kecil pada tahun pertama (1996) dengan tidak disangka-sangka kini menjadi antara perlumbaan besar dunia dengan laluan Dungun-Kuantan, memecah rekod sebagai perlumbaan terpantas dunia (51.94kmj).

"Saya berharap prestasi ini diteruskan kerana kejayaannya juga adalah kejayaan sukarelawan yang terbabit serta rakyat Malaysia sendiri," katanya.

(END)